

# MALAYSIA | MALAYSIA

TIER 2

Suruhanjaya Antarabangsa A.S. mengenai Kebebasan Beragama (USCIRF) merupakan suruhanjaya bebas, kerajaan persekutuan A.S. dwipemihak yang memantau hak kebebasan sejagat dalam kebebasan beragama atau kepercayaan di luar negara. Dicipta oleh Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa (IRFA) pada 1998, USCIRF, menggunakan standard antarabangsa dalam memantau perlanggaran kebebasan beragama atau kepercayaan di luar negara dan menyediakan cadangan dasar kepada presiden, setiausaha negara dan Kongres. USCIRF adalah entiti bebas yang berasingan dan berbeza daripada Jabatan Negara A.S. Laporan Tahunan 2019 mewakili kemuncak kerja setahun oleh Pesuruhjaya dan kakitangan profesional untuk mendokumentasikan penyalahgunaan di lapangan dan membuat cadangan dasar bebas kepada kerajaan A.S.. Laporan Tahunan 2019 merangkumi tempoh dari Januari 2018 hingga Disember 2018, walaupun dalam beberapa kes peristiwa penting yang disebutkan berlaku sebelum atau selepas jangka masa ini. Maklumat lanjut berkenaan USCIRF, boleh dilihat dari laman sesawang [di sini](#), atau hubungi USCIRF secara terus di 202-523-3240.

## Malaysia

**Penemuan Utama:** Pada 2018, keadaan kebebasan beragama di Malaysia masih cenderung sama seperti 2017, walaupun terdapat keyakinan mengenai potensi penambahbaikan keseluruhan hak asasi manusia berikutan pertukaran bersejarah kerajaan pada pilihan raya umum 2018. Malaysia mempunyai masyarakat yang sangat pluralistik, tetapi sesetengah sikap masyarakat dan dasar kerajaan berkenaan dengan bangsa, etnik, dan agama turut menyumbang kepada sikap tidak bertoleransi masyarakat. Secara amnya, majoriti masyarakat Islam Sunni perlu mematuhi dengan ketat, interpretasi Islam yang diluluskan oleh negara dan hanya mempunyai ruang kebebasan terhad untuk mempraktikkan kepercayaan mengikut kesedaran mereka. Pihak berkuasa persekutuan dan peringkat negeri berterusan melarang kumpulan minoriti agama yang “menyimpang”—termasuk pengikut Islam Syiah, Islam Ahmadiyyah, Bahai dan kumpulan Al-Arqam—daripada berhimpun atau bersembahyang di khalayak ramai. Tambahan pula, secara mendalam, halangan yang diinstitusikan untuk kebebasan beragama kekal utuh. Etnik Melayu—menurut perlombagaan didefinisikan sebagai Orang Islam—merupakan lebih separuh populasi negara dan mendapat manfaat daripada dasar tindakan afirmatif. Kedudukan istimewa ini diperuntukkan dengan ketat atas dasar etnik, dan sebagai lanjutan, kepatuhan terhadap Islam. Tambahan pula, sistem perundangan dwi landasan Malaysia mempunyai kedua-dua mahkamah iaitu Sivil dan Syariah. Apabila terdapat pertindihan bidang kuasa antara keduanya, mahkamah Sivil biasanya akan menyerahkannya kepada mahkamah keagamaan, bermakna orang bukan Islam kadangkala tertakluk kepada keputusan mahkamah Syariah. Pada 2018, masyarakat Islam Sunni masih bebas untuk menyebarkan agama, dan penyebaran agama Islam kepada orang bukan Islam dilaporkan berleluasa dalam sistem persekolahan awam Malaysia. Individu yang dikenal pasti sebagai pengikut agama minoriti dihalang daripada menyebarkan agama mereka kepada

orang Islam Sunni dan berkemungkinan berhadapan dengan tuduhan jenayah seperti dirotan atau dipenjara jika cuba melakukannya. Sepanjang tahun 2018, orang Islam bukan Sunni terus mengalami pelbagai bentuk diskriminasi, termasuk tuduhan ekstremisme yang tidak berasas dan perbuatan vandalisme tanpa diberangsangkan di tempat ibadat mereka. Sementara orang bukan Islam tidak sukar untuk memeluk Islam, orang Islam yang ingin memeluk agama lain menghadapi masalah perundangan dan pentadbiran yang berterusan dan pada umumnya bergelut untuk mendapatkan pengiktirafan rasmi kerajaan terhadap kepercayaan mereka.

Berdasarkan kebimbangan ini, pada 2019 USCIRF sekali lagi meletakkan Malaysia pada Peringkat 2, kedudukan ia diletakkan sejak 2014, kerana terlibat atau mentoleransi pelanggaran kebebasan beragama yang memenuhi sekurang-kurangnya salah satu daripada unsur standard iaitu “sistematis, berterusan, besar” untuk ditetapkan sebagai “negara berkebimbangan tertentu” atau CPC, di bawah Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa (IRFA).

### **Cadangan kepada Kerajaan A.S.:**

- Meminta agar kerajaan Malaysia menjelaskan prosedur pentadbiran dan membangunkan mekanisme yang nyata bagi individu untuk meninggalkan agama Islam apabila mereka memilih untuk bertukar kepada agama lain;
- Menekan kerajaan Malaysia untuk mengeluarkan medan agama daripada kad pengenalan diri kebangsaan dan membenarkan perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam tanpa penukaran agama;
- Mendesak kerajaan Malaysia untuk memudahkan institusi bebas, termasuk badan kehakiman, untuk memastikan semua warga yang menetap di Malaysia, tanpa mengira agama atau etnik, menikmati kesamarataan dalam undang-undang dan kebebasan dalam beragama atau kepercayaan; dan
- Mendesak kerajaan Malaysia untuk mengakui semua aktiviti keagamaan yang aman adalah sah dan menghentikan penangkapan, penahanan, atau “pemulihan” paksaan bagi agama minoriti, terutamanya pengikut agama Islam Syiah, Ahmadiyyah, Bahai, dan kumpulan Al-Arqam, sebagai contoh, dan membebaskan individu yang ditahan atau dipenjarakan atas tuduhan berkaitan tanpa sebarang syarat.

## Latar Belakang

### Malaysia

**Nama Penuh:** Malaysia

**Kerajaan:** Kerajaan Raja Berperlembagaan

**Populasi:** 31,809,660

**Agama/Kepercayaan Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan:** Islam (agama rasmi negara); kumpulan agama lain boleh didaftarkan, kecuali mereka yang dianggap “menyimpang”

#### **Demografi Agama:**

61.3% Islam

19.8% Buddha

9.2% Kristian

6.3% Hindu

1.3% Confucius, Taoisme, dan agama tradisional Cina yang lain

0.4% Lain-lain

0.8% Tiada

\*Anggaran dikumpulkan dari Buku Fakta Dunia CIA

Malaysia mempunyai masyarakat yang sangat pluralistik dengan kepelbagaiannya etnik, agama, budaya dan bahasa. Walau bagaimanapun, sesetengah sikap lama masyarakat dan dasar kerajaan yang berkaitan dengan bangsa, etnik, dan agama yang mendiskriminasikan masyarakat minoriti, kadang-kadang, menyumbang kepada sikap tidak bertoleransi berkala antara kumpulan sosial yang sedia ada. Sebagai contoh, pihak berkuasa agama persekutuan dan negeri telah menghalang beberapa kumpulan agama minoriti yang diketahui “menyimpang”, termasuk orang Islam Syiah, Ahmadiyyah, Bahai dan kumpulan Al-Arqam. Juga, beberapa individu pernah membantah paparan secara umum ikonografi agama di luar kuil Hindu dan Buddha. Pihak kerajaan, bersama mahkamah Syariah negeri, mempunyai kuasa untuk menghantar individu murtad daripada Islam Sunni dan ahli kumpulan yang menyimpang ke “pusat pemulihan,” yang berfungsi sebagai kemudahan penahanan luar bidang kehakiman. Individu yang bukan Islam Sunni juga boleh dihukum kerana murtad, yang mengakibatkan mereka boleh dikenakan hukuman denda atau penjara. Di sesetengah negeri, hukuman jenayah untuk murtad termasuklah rotan dan juga kematian, walaupun secara amalannya hukuman bunuh tidak pernah dikuatkuasakan.

Pada pilihan raya umum Mei 2018, gabungan Pakatan Harapan (PH) telah memenangi dewan rakyat Malaysia dengan majoriti mudah. Keputusan ini menamatkan pemerintahan lebih dari 60 tahun Barisan Nasional (BN) dan menandakan buat pertama kalinya pertukaran rejim selepas kemerdekaan dalam sejarah Malaysia. Bekas pemimpin gabungan BN Mahathir Mohamad telah mengangkat sumpah sebagai perdana menteri pada 10 Mei (sebelum ini beliau merupakan perdana menteri yang berkhidmat dalam kerajaan BN dari 1981 hingga 2003). Walaupun terdapat keyakinan yang terhasil daripada pelantikan beliau dan perubahan kerajaan, kerjaya

politik Mahathir yang panjang sentiasa diselubungi oleh kontroversi, ada antaranya dilakukan dalam tahun 2018. Sebagai contoh, Mahathir telah membuat beberapa kenyataan tuduhan anti-Yahudi mengenai masyarakat Yahudi global dan negara Israel. Pada Ogos 2018, beliau mendakwa anti-Yahudi ialah “istilah yang dicipta untuk menghalang orang daripada mengkritik orang Yahudi kerana melakukan perkara yang salah” dan terus menegaskan haknya untuk mengkritik sesiapa sahaja secara terbuka.

Perlembagaan Malaysia menjelaskan bahawa “setiap individu mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya.” Walau bagaimana pun, perlembagaan juga menyatakan bahawa Islam adalah “agama persekutuan” dan memberi kuasa kepada pegawai kerajaan negeri dan persekutuan hak untuk menghalang penyebaran agama kepada orang Islam. Walaupun perlembagaan tidak membezakan antara Islam Sunni dan Syiah, secara amalannya orang Islam Syiah telah menghadapi pelbagai bentuk diskriminasi. Pihak berkuasa Malaysia mengawasi dan mengganggu orang Islam Syiah, menghalang maklumat yang mempromosikan kepercayaan orang yang bukan Islam Sunni, melarang upacara keagamaan atau perhimpunan secara terbuka, dan ancaman penahanan sekiranya menyambut hari kebesaran orang Islam Syiah. Hanya orang Islam Sunni bebas untuk menyebarkan agama tanpa sebarang larangan. Ahli agama lain hanya boleh menyebarkan agama kepada pengikut komuniti minoriti lain. Perbuatan atau sekadar tuduhan menyebarkan agama kepada orang Islam boleh mengakibatkan tuduhan jenayah, dan boleh dirotan atau dipenjarakan. Warga asing tidak terlepas daripada undang-undang ini, dan, pada November 2018, empat orang warganegara Finland telah ditangkap dan kemudiannya dihantar pulang kerana menyebarkan bahan agama Kristian di kawasan awam.

Ada sesetengah orang Islam Sunni terus merasa terasing atau dihakimi apabila amalan atau interpretasi Islam mereka tidak sehaluan dengan ajaran rasmi yang diluluskan oleh kerajaan. Perlembagaan Malaysia memberikan kuasa kepada kerajaan negeri dan persekutuan untuk mengawal selia isi kandungan perkhidmatan agama Islam. Secara amalannya, ini menghasilkan versi Islam yang tegas, disokong oleh negara tanpa ruang untuk tafsiran peribadi. Kebanyakan imam masjid Islam Sunni menerima pembiayaan daripada kerajaan dan khutbah agama yang telah diluluskan terlebih dahulu oleh Jabatan Pembangunan Islam Malaysia (JAKIM). Tema yang disokong oleh kerajaan kadang kala mengandungi tajuk yang mengkritik doktrin agama Islam Syiah.

Gagasan perlembagaan yang menetapkan semua etnik Melayu adalah Orang Islam digunakan untuk memajukan dasar sosial—yang kebanyakannya menyebabkan diskriminasi terhadap agama—bertujuan memberikan kelebihan layanan terhadap etnik Melayu untuk mengimbangi perbezaan ekonomi. Manfaat yang diterima oleh orang Melayu termasuk, tapi tidak hanya terhad pada: kuota tetap untuk kemasukan ke universiti, biasiswa akademik, dan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam; serta subsidi bagi pembelian harta tanah seperti tanah dan harta benda.

Walaupun dasar ini agak kontroversi, orang Melayu masih enggan untuk melepaskan status keistimewaan mereka. Hasilnya adalah kontrak sosial yang tidak digembar-gemburkan sebagai timbal balas kepada pemberian kewarganegaraan Malaysia kepada orang bukan Melayu, tetapi mereka juga perlu menerima status sebagai masyarakat kelas kedua di Malaysia. Pada Oktober 2018, Perdana Menteri Mahathir secara terbuka menegaskan bahawa dasar ini masih diperlukan untuk merapatkan jurang ekonomi antara orang Melayu dan bukan Melayu dan ia akan kekal di masa hadapan. Kejelasan dasar tindakan afirmatif ini ditunjukkan pada September 2018, apabila Perdana Menteri Mahathir telah memberikan komitmen pada Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (UN) ke-73 untuk meratifikasi semua konvensyen PBB yang belum diselesaikan. Sesetengah orang Melayu takut ini akan memberi kesan negatif terhadap status istimewa mereka dan, seterusnya, kedudukan istimewa Islam dalam masyarakat Malaysia. Pada November 2018, antara 55,000 dan 100,000 penunjuk perasaan telah berkumpul di Kuala Lumpur untuk membantah ratifikasi Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Bangsa (ICERD). Kerajaan Malaysia akhirnya membalikkan semula persetujuan dan memilih untuk tidak meratifikasi konvensyen ini, menunjukkan cabaran yang dihadapi pemimpin Malaysia dalam menangani dasar yang menyentuh isu bangsa, etnik, dan agama.

## Syarat Kebebasan Beragama 2018

**Diskriminasi terhadap Agama Minoriti:** Dalam beberapa tahun kebelakangan ini—sebelum pilihan raya umum 2018—agama minoriti dan juga umat Islam Sunni menyuarakan keimbangan terhadap situasi kebebasan beragama yang merosot di seluruh Malaysia. Perubahan bersejarah dalam kerajaan membawa kepada gelombang keyakinan baharu, yang sebahagiannya disokong oleh janji kempen gabungan PH untuk meningkatkan keharmonian agama dan hak asasi manusia secara keseluruhan. Sebagai contoh, gabungan PH mencadangkan untuk memansuhkan Akta Hasutan, yang pada masa lalu sering digunakan oleh kerajaan untuk menindas perbezaan pendapat politik dan agama. Namun pada akhir tempoh pelaporan ini, Akta Hasutan masih lagi berkuatkuasa. Amat menggalakkan, pada Ogos 2018, kerajaan baharu juga mengambil langkah untuk memansuhkan Akta Anti Berita Palsu (AFNA) yang kontroversi di Malaysia, yang mula berkuatkuasa menjelang pilihan raya umum dan menguatkuasakan hukuman penjara bagi penyebaran “berita palsu”. Tetapi usaha ini telah digagalkan apabila pada bulan September, Senat yang dikuasai oleh pihak pembangkang menghalang pemansuhan ini. Undang-undang ini juga kekal berkuatkuasa pada akhir tempoh pelaporan ini.

Kesimpulannya, banyak cadangan kempen gabungan PH berhubung dengan hak asasi manusia masih belum membawa hasil, dan pada 2018, situasi kebebasan beragama di Malaysia masih tidak banyak berubah. Walaupun kebanyakan rakyat Malaysia bebas untuk menganut agama mereka, umat Islam bukan Sunni terus mengalami pelbagai diskriminasi. Pada bulan Januari 2018, Mohd Asri Zainul Abidin, mufti Perlis, mengisyiharkan bahawa umat Islam Syiah menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara, walaupun tidak ada bukti yang menunjukkan

bahawa mana-mana umat Islam Syiah Malaysia telah dikaitkan dengan kumpulan ekstremis atau terlibat dalam serangan keganasan domestik.

Pada masa lalu, pelaku musnah telah menyasarkan rumah ibadat bukan Islam, dan keadaan ini masih berterusan pada 2018. Tidak lama selepas tengah malam pada 1 Januari, semasa upacara keagamaan pada malam untuk meraikan tahun baharu, penyerang meletupkan alat peledak di hadapan Luther Centre, sebuah gereja Lutheran di Petaling Jaya. Tiga orang jemaah gereja cedera dalam serangan ini. Seminggu kemudian, seorang penjawat awam yang tidak puas hati membuang dua penapis air yang terbakar di Gereja Methodist Kota Bharu dan memecahkan tingkap di kuil Hindu Arulmigu Siva Subramaniyar; lelaki ini kemudiannya ditangkap. Pastor gereja mendakwa ia adalah serangan kedua yang berlaku minggu tersebut, dan Reverend Hermen Shastri, setiausaha agung Majlis Gereja-gereja Malaysia (CCM), menyifatkan serangan tersebut “didorong oleh pelampau yang mahu menyemarakkan sikap kebencian antara agama dan tidak bertoleransi dalam negara.”

Pada Januari 2018, mahkamah tinggi Malaysia memutuskan bahawa kedua-dua ibu bapa perlu memberikan persetujuan untuk menukar agama anak mereka yang di bawah umur dari satu agama kepada yang lain. Keputusan itu adalah tidak dijangka kerana kerajaan sebelum ini telah menarik balik langkah yang melarang penukaran agama anak dari satu pihak selepas menerima tekanan daripada golongan Muslim konservatif. Keputusan ini sebahagian besarnya adalah berasaskan kes M. Indira Gandhi, seorang wanita Hindu yang bekas suaminya memeluk Islam, kemudian menukar agama tiga anak mereka tanpa pengetahuannya. Mahkamah Persekutuan Malaysia akhirnya memutuskan penukaran agama anak-anak mereka dari satu pihak adalah tidak sah dan Cik Ghandi perlu diberikan hak penjagaan.

Pada November 2018, rusuhan berlaku di luar Sri Maha Mariamman Seafield, sebuah kuil Hindu di Selangor, membunuh sekurang-kurangnya seorang dan mencederakan berbelas yang lain. Pihak berkuasa pada mulanya menyifatkan peristiwa itu sebagai perbalahan antara kumpulan kuil dan terus menangkap 83 lelaki Islam kerana penglibatan mereka. Butiran yang muncul kemudiannya memperlihatkan bahawa mereka ini mungkin diupah untuk menimbulkan pergolakan dan kekacauan yang berasal dari pertikaian hartanah yang sedang berlangsung. Insiden ini menimbulkan ketegangan agama yang berterusan dan menyebabkan kerajaan mencadangkan undang-undang untuk mewajibkan pendaftaran bagi semua rumah ibadat sedia ada dan memerlukan kelulusan kerajaan tempatan sebelum pembinaan kemudahan agama baharu.

Pada Disember 2018, Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik mencetuskan kontroversi dengan mendesak guru agama Islam dari Semenanjung Malaysia untuk mendakwahkan Islam di Sabah dan Sarawak—negeri di Malaysia Timur yang mana kebanyakan penduduknya beragama Kristian. Setelah terdapat banyak kekeliruan tentang tafsiran sebenar ucapannya, Dr. Maszlee

kemudian menjelaskan bahawa kenyataan ini dibuat merujuk kepada kekurangan guru Islam untuk masyarakat Islam tempatan, tetapi kebanyakan penduduk Kristian percaya bahawa dia mendesak guru Islam untuk menukar agama orang Kristian kepada Islam. Komennya amat sensitif kerana penyebaran agama Islam kepada orang bukan Islam dilaporkan berlaku secara meluas dalam sistem sekolah awam Malaysia.

Pada 2018, Malaysia mengekalkan sistem undang-undang dwi-landasannya dengan kedua-dua mahkamah sivil dan Syariah; di mana orang bukan Islam tidak mempunyai kedudukan undang-undang di dalamnya. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa ke atas umat Islam dalam perkara undang-undang keluarga dan pemeliharaan agama, tetapi apabila kedua-dua sistem undang-undang bertindih, mahkamah sivil biasanya menyerahkannya kepada mahkamah Syariah. Kadang kalaini menyebabkan orang bukan Islam secara langsung terkesan dengan keputusan Syariah kerana mereka tidak mempunyai keupayaan untuk mempertahankan diri atau merayu terhadap keputusan mahkamah. Seperti pada tahun sebelumnya, umat Islam yang ingin bertukar kepada agama lain perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada mahkamah Syariah dan mengisyiharkan diri mereka sebagai murtad. Kelulusan ini jarang diberikan dan mahkamah Syariah diketahui mengenakan hukuman terhadap mereka yang memohon, dan secara paksa menahan mereka di kem “pemulihan” bagi mereka yang cuba meninggalkan Islam.

Kes kehilangan berprofil tinggi Pastor Mubaligh Raymond Koh yang hilang sejak Februari 2017 apabila beliau telah diculik pada siang hari—masih tidak dapat diselesaikan sehingga akhir tempoh pelaporan ini. Suruhanjaya hak asasi manusia yang dilantik oleh kerajaan, yang dikenali dengan akronim SUHAKAM, melancarkan siasatan bebas tetapi terpaksa menghentikan siasatan awal pada 2018 apabila pihak berkuasa telah mendakwa seorang lelaki yang dipercayai bertanggungjawab ke atas kehilangan Koh. Polis kemudian menyatakan bahawa lelaki berkenaan tidak terlibat secara langsung dengan jenayah tersebut. SUHAKAM kemudiannya menyambung semula siasatan dan kemudian menamatkan siasatannya pada Disember 2018 tetapi tidak mendedahkan sebarang bukti konklusif mengenai keberadaan Pastor Koh atau butiran mengenai penculikannya. Penyiasatan serupa terhadap kehilangan aktivis sosial Islam Syiah Amri Che Mat, Pastor Joshua Hilmy, dan isterinya, Ruth Hilmy juga hanya ada sedikit kemajuan pada tahun 2018.

**Hukum Hudud:** Sesetengah negeri telah berusaha untuk menguatkuasakan kod hukum Islam, yang dikenali sebagai hudud, untuk beberapa kesalahan jenayah termasuk murtad, fitnah, penzinaan, dan pengambilan alkohol. Hukuman yang ditetapkan termasuk sebatan atau rotan serta, amputasi, rejam, penyaliban dan kematian walaupun ia tidak pernah dilaksanakan. Pada 2018, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) terus menekan untuk pelaksanaan *hudud* bagi pelbagai kesalahan jenayah di negeri utara yang konservatif. Menjelang tempoh akhir pelaporan ini, kerajaan baharu masih belum menunjukkan kesanggupan untuk membawa langkah hudud ke peringkat persekutuan, yang mana mungkin memerlukan pindaan perlembagaan.

**Perkahwinan Kanak-kanak:** Undang-undang sivil Malaysia membenarkan umat Islam berkahwin pada umur 16 tahun manakala umur minimum untuk berkahwin bagi bukan Islam adalah 18 tahun. Undang-undang juga menetapkan bahawa pasangan bagi orang Islam mestilah Islam, atau menukar agama kepada agama Islam untuk perkahwinan tersebut diiktiraf secara sah. Pada Julai 2018, seorang lelaki berusia 41 tahun telah berkahwin dengan seorang gadis Islam berusia 11 tahun di selatan Thailand. Pihak berkuasa negeri di Kelantan telah mendenda lelaki tersebut kerana berkahwin di luar Malaysia, dengan mengenepikan peraturan tempatan. Kanak-kanak tersebut dibawa kembali ke Thailand dengan mendadak dan diletakkan di bawah jagaan jabatan kebajikan sosial tempatan, tetapi masih tidak jelas sama ada perkahwinan tersebut pernah dibatalkan. Insiden ini mencetuskan kecaman yang meluas dan membawa kepada dakwaan bahawa kerajaan baharu gagal melindungi hak kanak-kanak di bawah nama kebebasan beragama.

Dalam kes yang sama, pada September, lelaki berusia 44 tahun telah berkahwin dengan seorang gadis berusia 15 tahun di Kota Bharu. Ibu bapa gadis berkenaan membenarkan perkahwinan tersebut dan telah mendapatkan kebenaran yang diperlukan daripada mahkamah Syariah tempatan. Kes ini mendapat perhatian antarabangsa yang ketara dan mendorong pemerhatian kerajaan lebih lanjut. Walau bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri, Wan Azizah Wan Ismail mengakui kerajaan Malaysia tidak dapat melakukan sebarang tindakan kerana perkahwinan tersebut diluluskan oleh mahkamah Syariah.

Pada Oktober 2018, Perdana Menteri Mahathir telah mengeluarkan arahan yang mengarahkan semua pihak berkuasa negeri untuk menaikkan usia minimum untuk berkahwin bagi umat Islam kepada 18 tahun. Tindakan ini hanyalah satu simbolik sahaja. Menurut perlumbagaan, undang-undang Islam berada di bawah kuasa mufti negeri, dan kerajaan persekutuan tidak boleh menguatuksaskan umur perkahwinan minimum yang sah untuk orang Islam. Sultan Selangor bagaimana pun telah menaikkan umur perkahwinan Islam yang sah kepada 18 tahun di negeri tersebut, walau bagaimana pun pasangan muda masih boleh memohon untuk berkahwin sekiranya mereka memenuhi syarat garis panduan yang sangat ketat. Mahkamah Syariah masih boleh meluluskan perkahwinan kanak-kanak di seluruh negeri lain di Malaysia, tetapi pada akhir tempoh pelaporan ini lima kerajaan negeri lain telah bersetuju, pada dasarnya, bahawa usia minimum perlu dinaikkan kepada 18 tahun.

**Kad Pengenalan Diri:** Dari segi undang-undang semua warga negara Malaysia yang melebihi umur 12 tahun perlu membawa kad pengenalan diri kebangsaan, yang dikenali sebagai “MyKad.” Selain daripada maklumat peribadi standard, kad pengenalan diri ini juga mempunyai medan wajib yang menyatakan agama bagi pemegang kad. Agama bagi pemegang kad yang beragama Islam akan dicetak pada kad pengenalan diri. Maklumat ini tidak ditunjukkan secara fizikal bagi penganut agama yang lain, tetapi ia disulitkan di dalam cip pintar kad dan hanya

boleh diakses secara elektronik. Warga negara Malaysia yang telah bertukar kepada agama lain sering kali melaporkan tentang kesulitan untuk mengubah medan ini bagi mencerminkan pegangan baharu mereka. Kadang kala pengikut bagi agama minoriti secara tidak sengaja didaftarkan sebagai penganut agama Islam disebabkan oleh penukaran agama secara paksa, perkahwinan yang telah diatur dan kadang kala disebabkan oleh kesalahan perkeranian. Walau apa pun permasalahannya, apabila dikenali secara tidak betul sebagai seorang penganut agama Islam melalui kad pengenalan diri akan menghalang seseorang individu itu daripada berkahwin dengan pasangan yang bukan Islam. Mereka akan tertakluk di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah, perlu menghantar anak mereka menghadiri sekolah Islam, dan yang paling penting mereka tidak boleh menukar agama mereka ke agama lain. Pendaftaran yang tidak tepat akan menyebabkan masalah yang akan diwarisi oleh anak serta cucu individu tersebut.

### **Dasar A.S.**

Hubungan dua hala A.S.-Malaysia dibina berdasarkan Perkongsian Komprehensif termasuk beberapa komponen utama yang penting: perdagangan, pelaburan, keselamatan, kerjasama alam sekitar dan hubungan pendidikan dan budaya. Pada Mei 2018, White House telah mengeluarkan [kenyataan](#) daripada Presiden Donald Trump bagi mengucapkan tahniah kepada Mahathir atas pelantikannya sebagai perdana menteri Malaysia yang ke tujuh. Presiden Trump telah menegaskan hubungan rakyat dan rakyat Amerika yang panjang dan mantap, nilai bersama demokratik dan kepentingan ekonomi bersama dengan kerajaan Malaysia.

Pada Ogos 2018, Setiausaha Negara Michael R. Pompeo telah menghabiskan masa selama dua hari di Malaysia dan [bertemu](#) dengan Perdana Menteri Mahathir sewaktu lawatan rasmi lima hari ke Asia Tenggara. Pada September, Setiausaha Pertahanan James N. Mattis [menjadi hos](#) mesyuarat dengan Menteri Pertahanan Malaysia Mohamad bin Sabu di Pentagon. Dilaporkan bahawa mereka telah berbincang dengan secara mendalam tentang isu keselamatan dan menegaskan kembali tentang kepentingan hubungan pertahanan antara kedua-dua buah negara. Mereka telah bersetuju untuk bekerjasama dengan lebih erat dari segi keselamatan perairan, pencegahan keganasan, bantuan kemanusiaan, bantuan bencana, dan akan mencari jalan bagi memperkuatkan lagi hubungan sedia ada berdasarkan nilai dan kepentingan bersama. Beberapa hari kemudian, Perdana Menteri Mahathir melawat Amerika Syarikat untuk pertama kalinya semenjak beliau kembali berkuasa.

Sepanjang tahun 2018, Kedutaan A.S. di Kuala Lumpur secara rutin menggesa pegawai kerajaan Malaysia untuk bersuara menentang sikap tidak bertoleransi terhadap agama dan secara terus melibatkan diri dengan pelbagai kumpulan agama bagi mengetahui dengan lebih lanjut tentang cabaran yang mereka hadapi dalam mengamalkan agama mereka. Seperti tahun yang lalu, pada November 2018, pihak kedutaan [meraikan](#) Hari Toleransi Sedunia, bersama duta, pegawai

kerajaan Malaysia, dan ketua pelbagai agama serta menziarahi rumah ibadat “untuk mempromosikan kebebasan beragama, keterlibatan dan toleransi.”

Satu isu utama yang berterusan pada tahun 2018 yang mengganggu hubungan dua hala adalah penyiasatan berterusan Jabatan Kehakiman A.S. terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB, sebuah dana pelaburan Malaysia) mengenai pengubahan wang haram melalui Amerika Syarikat. Berikutan kekalahan mantan Perdana Menteri Najib Razak pada pilihanraya 2018, pihak berkuasa Malaysia telah menyerbu kediamannya dan merampas aset bernilai kira-kira \$270 juta. Jabatan Kehakiman telah memberi sokongan penuh terhadap langkah ini dan menyatakan sepenuh keyakinan dan semangat bahawa kerajaan baru Malaysia akan memberi kerjasama dalam siasatan yang berlangsung.